

# PERLEMBAGAAN NEGARA



PERSEKUTUAN  
REPUBLIK  
HUGUMA

# MUQADIMAH

**DENGAN NAMA TUHAN YANG MAHA ESA.  
KAMI, RAKYAT REPUBLIK PERSEKUTUAN  
HUGUMA, DENGAN PENUH KESEDARAN  
AKAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP  
NEGARA DAN GENERASI AKAN DATANG,  
BERIKRAR UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH  
NEGARA YANG BERDAULAT, DEMOKRATIK,  
AMAN, ADIL, DAN BERPERLEMBAGAAN.  
MAKA DENGAN INI, KAMI MENERIMA,  
MENGISYTIHARKAN DAN MENETAPKAN  
PERLEMBAGAAN INI SEBAGAI UNDANG-  
UNDANG TERTINGGI REPUBLIK  
PERSEKUTUAN HUGUMA.**

## **Perkara 1 – Negara**

**1.1** Nama rasmi negara ialah **Republik Persekutuan Huguma** atau **Federal Republic Of Huguma**

**1.2** Republik Persekutuan Huguma ialah sebuah negara yang merdeka, berdaulat, demokratik dan berpersekutuan.

**1.3** Perlembagaan ini ialah undang-undang tertinggi negara dan mana-mana undang-undang yang bercanggah dengannya adalah terbatal setakat percanggahan itu.

## **Perkara 2 – Agama Negara**

**2.1** Islam ialah agama rasmi Republik Persekutuan Huguma.

**2.2** Penganut agama lain bebas mengamalkan agama masing-masing secara aman tertakluk kepada undang-undang.

**2.3** Tiada seorang pun boleh dipaksa menganut atau meninggalkan sesuatu agama.

**2.4** Tiada sesiapa yang dibenarkan menganut agama “Scientology” dan “Atheism”

## **Perkara 3 – Bahasa Negara**

**2.1** Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi negara.

**2.2.** Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi yang boleh digunakan untuk urusan rasmi.

**2.3.** Walaubagaimanapun, bahasa lain boleh digunakan untuk urusan tidak rasmi

**2.4** Tiada sesiapa yang dibenarkan menggunakan bahasa Hebrew

**2.5.** Berikut merupakan Bahasa yang dibenarkan di dalam urusan tidak rasmi

(a). Bahasa Tamil

(b). Bahasa Mandarin

(c). Bahasa Arab

(d). Bahasa Bangalese;

(e). Dan mana-mana bahasa selain daripada bahasa Hebrew

## Perkara 4— Hak Asasi Manusia

**4.1** Setiap orang di dalam Republik Persekutuan Huguma adalah berhak mendapat perlindungan yang sama di sisi undang-undang.

**4.2** Tiada seorang pun boleh dilucutkan hak untuk hidup atau kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

**4.3** Setiap warganegara berhak—

mendapat layanan yang sama rata di sisi undang-undang; menikmati kebebasan bersuara, tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa;

(c) mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing secara aman;

(d) mendapat pendidikan yang sewajarnya;

(e) memiliki, menggunakan dan mewarisi harta mengikut undang-undang;

(f) mendapat perlindungan terhadap keselamatan diri dan harta benda; dan

(g) mendapat perbicaraan yang adil di hadapan mahkamah yang berwibawa.

**4.4** Tiada seorang pun boleh didiskriminasikan atas alasan bangsa, keturunan, tempat lahir atau jantina kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang.

**4.5** Hak-hak yang diperuntukkan di bawah Perkara ini boleh dihadkan melalui undang-undang demi—

(a) keselamatan negara;

(b) ketenteraman awam;

(c) kesihatan awam;

(d) moral awam; atau

(e) perlindungan hak dan kebebasan orang lain.

## **Perkara 5 – Hak Mengundi**

**5.1** Setiap warganegara Republik Persekutuan Huguma yang telah mencapai umur dua belas (12) tahun berhak mengundi dalam mana-mana pilihan raya yang diadakan mengikut undang-undang.

**5.2** Hak mengundi hendaklah dilaksanakan secara—

- (a) bebas;
- (b) adil;
- (c) sulit; dan
- (d) tanpa sebarang ugutan, paksaan atau rasuah.

**5.3** Hanya warganegara yang berdaftar dalam Daftar Pemilih Kebangsaan layak mengundi.

**5.4** Tiada seorang pun boleh mengundi lebih daripada sekali dalam sesuatu pilihan raya.

**5.5** Parlimen hendaklah menggubal undang-undang berhubung dengan—

- (a) tatacara pilihan raya;
- (b) kelayakan pengundi;
- (c) penjalanan kempen pilihan raya; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan pilihan raya.



## **Perkara 6 – Kewarganegaraan**

**6.1** Kewarganegaraan Republik Persekutuan Huguma boleh diperoleh melalui—

- (a) kelahiran;
- (b) pendaftaran;
- (c) naturalisasi; atau
- (d) penganugerahan khas oleh Kerajaan Persekutuan.

**6.2** Seseorang yang memohon kewarganegaraan melalui naturalisasi hendaklah—

- (a) berumur tidak kurang daripada lima(5) tahun;
- (b) mematuhi Perlembagaan Republik Persekutuan Huguma;
- (c) mengangkat Ikrar Kesetiaan kepada Republik Persekutuan Huguma;
- (d) berkelakuan baik;
- (e) tidak mempunyai rekod jenayah berat; dan
- (f) memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh undang-undang.

**6.3** Permohonan kewarganegaraan hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

**6.4** Kerajaan Persekutuan boleh meluluskan atau menolak sesuatu permohonan kewarganegaraan menurut undang-undang.

**6.5** Seseorang warganegara boleh dilucutkan kewarganegaraannya jika—

- (a) memperoleh kewarganegaraan melalui penipuan;
- (b) melakukan pengkhianatan terhadap Republik Persekutuan Huguma;
- (c) menyertai mana-mana organisasi yang diisytiharkan mengancam keselamatan negara; atau
- (d) atas apa-apa alasan lain yang diperuntukkan oleh undang-undang.

**6.6** Tiada pelucutan kewarganegaraan boleh dibuat tanpa memberi peluang yang munasabah kepada individu tersebut untuk didengar menurut undang-undang.

## **Perkara 7 – Bendera Negara**

7.1 Bendera Republik Persekutuan Huguma ialah lambang rasmi negara.

7.2 Tiada seorang pun boleh—

- (a) menghina;
- (b) membakar;
- (c) merosakkan; atau
- (d) menggunakan bendera negara bagi tujuan yang mencemarkan maruah negara.

7.3 Reka bentuk rasmi bendera hanya boleh dipinda melalui suatu Akta Parlimen.

7.4 Bendera Huguma (Jalur Terhebat) adalah dispesikasi seperti di bawah:

- Bentuk Tiga Jalur Menegak yang berwarna Biru, Putih dan Hijau
- Nisbah di antara ketiga jalur adalah 2:2:2
- Terdapat bulan dan bintang Islam di dalam jalur biru yang berjarak 2 centimeter(cm) daripada bucu atas dan bawah



# Perkara 8 – Media

8.1 Kebebasan media adalah dijamin tertakluk kepada Perlembagaan ini dan mana-mana undang-undang yang digubal oleh Parlimen.

8.2 Tiada seorang pun boleh menerbitkan, menyiarkan, mengedar atau mempamerkan apa-apa kandungan yang—

- (a) menghasut keganasan atau pemberontakan;
- (b) mengancam keselamatan atau kedaulatan negara;
- (c) menyebarkan maklumat palsu yang memudaratkan kepentingan negara; atau
- (d) melanggar mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

8.3 Kerajaan Persekutuan boleh mengharamkan mana-mana filem, siri televisyen, muzik, buku, permainan video atau bentuk media lain yang bertentangan dengan kepentingan negara.

8.4 Walau apa pun peruntukan lain dalam Perlembagaan ini, filem "KPop Demon Hunters" dan "Squid Game" adalah diisytiharkan sebagai media yang diharamkan di Republik Persekutuan Huguma.

8.5 Tiada seorang pun boleh—

- (a) mengimport;
  - (b) mengeksport;
  - (c) menjual;
  - (d) mengedar;
  - (e) menstrim;
  - (f) menyiarkan;
  - (g) menayangkan kepada orang awam; atau
  - (h) memiliki bagi maksud pengedaran,
- filem yang disebut dalam Fasal 7.4.

8.6 Mana-mana orang yang melanggar Perkara ini melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman mengikut undang-undang.

## Perkara 9 – Akta Keseksaan

9.1. Semua rakyat Huguma adalah diharamkan untuk melakukan perkara di bawah dan akan mendapat hukuman maksima jika dilaksanakan

(a). Membunuh

(b). Menculik

(c). Mana-mana aksi yang mengakibatkan kecederaan kepada orang lain

(d). Pengganasan

(e). Serangan siber

9.2 . Rakyat Huguma yang dibawah umur sepuluh(17) tahun akan dibawa kepada Penjara Jadidah di daerah Bir Jadidah,Huguma

9.3. Rakyat Huguma yang diatas umur lapan belas(18) tahun akan diserahkan kepada Polis DiRaja Malaysia(PDRM)

## **Perkara 10 – Akta Exco**

**10.1** Berikut merupakan exco yang telah diwujudkan di Persekutuan Republik Huguma dan dilindungi kerajaan

- (a)** Exco Diplomatik
- (b)** Exco Keadilan
- (c)** Exco Kemajuan
- (d)** Exco Pertahanan
- (e)** Exco Sukan

# Perkara 11 – Dasar Luar

11.1 Republik Persekutuan Huguma mengamalkan dasar berkecuali (neutrality).

11.2 Republik Persekutuan Huguma tidak akan memihak dalam mana-mana konflik antarabangsa kecuali bagi mempertahankan kedaulatan negara atau menurut kewajipan undang-undang antarabangsa yang diterima.

11.3 Republik Persekutuan Huguma hendaklah menggalakkan hubungan diplomatik yang aman, saling menghormati dan kerjasama antarabangsa.

11.4 Republik Persekutuan Huguma mengiktiraf apa sahaja negara yang telah berhubung akan negara kecuali

- a) Moses Federal Republic
- b) Scorpcelctic Empire dan
- c) Kingdom Jaylish Empire

11.5 Republik Persekutuan Huguma berhak menarik pengiktirafan daripada sesebuah negara dengan keizinan Exco Diplomatik, Perdana Menteri dan Presiden

# Perkara 12 – Pindaan Perlembagaan

12.1 Perlembagaan ini hanya boleh dipinda melalui suatu Akta Parlimen yang diluluskan dengan majoriti tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah Ahli Parlimen.

12.2 Tiada pindaan boleh menjejaskan kedaulatan Republik Persekutuan Huguma melainkan mengikut Perlembagaan ini.

# Perkara 13 – Penguatkuasaan

13.1 Perlembagaan ini mula berkuat kuasa pada 20 Oktober 2025

13.2 Mulai tarikh tersebut, Perlembagaan ini menjadi undang-undang tertinggi Republik Persekutuan Huguma dan hendaklah dipatuhi oleh semua orang, institusi dan pihak berkuasa dalam negara.

13.3 Semua undang-undang yang digubal selepas tarikh kuat kuasa hendaklah selaras dengan Perlembagaan ini.